

LATIHAN SUKAN SEA/ Tahan gaji pesilat kebangsaan

Pesaka laporkan kepada Majlis Sukan Negara



■ SHAFIE ABDUL RAHMAN

Oleh MOHD RAHIME YUSOF
PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) kesal atas tindakan sektor swasta menahan gaji dan menurunkan pangkat pesilat kebangsaan yang mengikuti latihan pusat persediaan Sukan SEA '89 di Kuala Lumpur.

Tindakan itu boleh melemahkan semangat pesilat kebangsaan yang berusaha gigih mengharumkan nama negara menerusi sukan itu.

"Saya kecewa tindakan seumpama itu kerana ia melemahkan semangat pesilat negara. Mereka dipilih untuk bertanding atas nama negara, bukannya kemerdekaan peribadi," kata Pengurus skuad silat Sukan SEA '89, Haji Shafie Abdul Rahman.

Katanya, sekalipun silat olahraga baru mendapat tempat, ia tidak boleh dipandang rendah kerana sudah berupaya mengutip banyak pingat emas.

Setakat ini, silat setanding dengan sukan lain setelah mengutip dua pingat emas di Sukan SEA '87, empat emas di Kejuaraan Silat Sedunia '87 dan tiga

emas di Kejohanan Jemputan Sedunia di Singapura, Ogos lalu.

Beliau berkata: "Matlamat kami di Sukan SEA tahun depan ialah lebih daripada lima pingat emas. Tetapi, ia tidak akan berjaya tanpa sokongan daripada majikan pesilat-pesilat kebangsaan."

Katanya, jika benar tindakan menahan gaji dan menurunkan pangkat terhadap pesilat berkenaan, ia pasti melemahkan semangat mereka.

"Saya harap mana-mana sektor swasta yang bertindak demikian agar dapat memikir semula perkara itu demi kepentingan sukan negara dan bukan atas sifat peribadi," tambah Haji Shafie.

Beliau berkata, segala masalah yang dihadapi oleh pesilat-pesilat kebangsaan mengenai hal itu akan dilaporkan kepada Majlis Sukan Negara (MSN) untuk tindakan lanjut.

Setakat ini, masalah itu sudah dibincangkan dengan pegawai MSN secara tidak rasmi dan laporan lengkap mengenai perkara berkenaan sedang disiapkan.

22 DEC 1988